

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

### PruBSN Asas360

**Disediakan Khas untuk:**

CONTOH

*Contoh PDS ini berdasarkan seorang lelaki sihat berusia 30 tahun (umur hari lahir akan datang) dan tidak merokok dengan Jumlah Perlindungan Rider sebanyak RM100,000. Bagi sebut harga yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan anda, sila rujuk ejen anda untuk nasihat peribadi dan rujuk PDS dan ilustrasi produk sebenar anda.*

**Prepared by:** PruBSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

**PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

## Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang rider takaful perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda harus membacanya juga.

## 1 Apakah Crisis TotalCare?

Crisis TotalCare ialah rider penolakan unit yang dilampirkan kepada PruBSN Asas360 dan menyediakan Manfaat Penyakit Kritikal Menyeluruh yang merangkumi Penyakit Kritikal Awal (termasuk Tahap Awal dan Tahap Pertengahan) sehingga Penyakit Kritikal Tahap Lewat. Rider ini membayar 50% daripada jumlah perlindungan rider apabila Orang yang Dilindungi disahkan menghidap Penyakit Kritikal Awal sebelum rider tamat tempoh. Hanya satu tuntutan dibenarkan untuk Penyakit Kritikal Awal. Jika Orang yang Dilindungi disahkan menghidap Penyakit Kritikal Tahap Lewat, rider ini akan membayar 100% daripada jumlah perlindungan rider, tolak sebarang manfaat yang telah dibayar atau yang layak dibayar di bawah Penyakit Kritikal Awal atau Angioplasti sebelum sijil tamat tempoh. Crisis TotalCare akan tamat apabila 100% daripada jumlah perlindungan rider telah dibayar di bawah Manfaat Penyakit Kritikal Menyeluruh.

Jika Orang yang Dilindungi disahkan menghidap mana-mana keadaan yang dilindungi di bawah Manfaat Keadaan Khas (Keadaan Berkaitan Diabetik, Keadaan Berkaitan Sendi dan Keadaan Penyakit Mental) sebelum tarikh tamat perlindungan keadaan tersebut atau tarikh tamat rider, yang mana lebih awal, rider ini akan membayar 10% daripada jumlah perlindungan rider. Hanya satu tuntutan dibenarkan di bawah Manfaat Keadaan Khas. Manfaat ini tidak akan mengurangkan jumlah perlindungan rider.

Akaun dan konsep Syariah yang terpakai di bawah Crisis TotalCare adalah sama dengan pelan asas, PruBSN Asas360.

*Note: Penerangan produk di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.*

## 2 Ketahui Perlindungan/Manfaat anda?

Sebagai ilustrasi, bagi rider penolakan unit ini dengan Jumlah Perlindungan Rider sebanyak RM 100,000.00, anda akan menerima perlindungan/manfaat berikut untuk 40 tahun:

Manfaat Penyakit Kritikal Menyeluruh - Penyakit Kritikal Awal (Tahap Awal dan Tahap Pertengahan) - Penyakit Kritikal Tahap Lewat <sup>1</sup>	50% daripada RM 100,000.00. Hanya 1 tuntutan yang akan dibayar untuk Penyakit Kritikal Awal. 100% daripada RM 100,000.00
Manfaat Keadaan Istimewa	10% daripada RM 100,000.00. Hanya 1 tuntutan yang akan dibayar di bawah Manfaat Keadaan Istimewa.
Manfaat Rawatan Komplementari - Penyakit Kritikal Awal - Penyakit Kritikal Tahap Lewat <sup>2</sup>	5% daripada RM 100,000.00 atau RM1,500, yang mana lebih rendah.
Manfaat Penjagaan Keluarga - Kematian pasangan atau anak di bawah umur 25 tahun	1% daripada RM 100,000.00 atau RM5,000, yang mana lebih rendah.

Di bawah adalah Kategori Penyakit Kritikal<sup>3</sup> di bawah Crisis TotalCare.

1. Strok / Angin Ahmar	13. Buta	27. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	39. Sindrom Apalik
2. Serangan Jantung	14. Pekak	28. Pembedahan Aorta	40. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
3. Kanser	15. Kelecuran	29. Sklerosis Multipel	41. Penyakit Terminal (Membawa Maut)
4. Kegagalan Buah Pinggang	16. Penyakit Paru-Paru	30. Hipertensi Arteri Pulmonari	42. Sindrom Eisenmenger
5. Penyakit Arteri Koronari	17. Ensefalitis	31. Penyakit Sistik Medular	43. Endokarditis Infektif
6. Pembedahan Arteri Koronari	18. Transplan Organ / Sumsu Tulang	32. Kardiomiopati	44. Myasthenia Gravis
7. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	19. Hilang Keupayaan Bertutur	33. Lupus Eritematosus Sistemik	45. Supranuklear Palsy Progresif
8. Kegagalan Hati	20. Pembedahan Otak	34. Distrofi Otot	46. Hepatitis Autoimun Kronik
9. Hepatitis Viral Fulminan	21. Pembedahan Injap Jantung	35. Poliomiellitis	47. Kekurangan Adrenal Kronik
10. Koma	22. Meningitis Bakteria	36. Pankreatitis	48. Osteogenesis Imperfecta
11. Tumor Benign	23. Trauma Kepala	37. Skleroderma Progresif	49. Meningitis Tuberkulosis
12. Kelumpuhan Anggota	24. Anemia Aplastik	38. Jangkitan HIV, AIDS / Hepatitis B atau C	50. Penyakit Usus Radang
	25. Penyakit Neuron Motor		
	26. Penyakit Parkinson		

Manfaat Keadaan Istimewa adalah dibayar sekali seumur hidup daripada mana-mana keadaan yang dilindungi di bawah:

Keadaan Berkaitan Diabetik	Keadaan Berkaitan Sendi	Keadaan Kesihatan Mental <sup>4</sup>
1. Pembedahan Untuk Diabetik Retinopati Jenis 2 2. Amputasi Anggota Badan Disebabkan Oleh Komplikasi Diabetik Jenis 2 3. Nefropati Diabetik Mengakibatkan Kegagalan Buah Pinggang	1. Penggantian Lutut Menyeluruh 2. Penggantian Sendi Pinggul Menyeluruh 3. Arthritis Reumatoid Kronik	1. Gangguan Depresi yang Teruk 2. Skizofrenia 3. Gangguan Bipolar 4. Gangguan Obsesif Kompulsif 5. Sindrom Tourette (untuk Kanak-kanak sahaja *) 6. Gangguan Spektrum Autisma yang Teruk (untuk Kanak-kanak sahaja *)

### Nota-nota:

- Jika Orang yang Dilindungi disahkan menghidap Penyakit Kritikal Tahap Lewat, rider ini akan membayar 100% daripada jumlah perlindungan rider, tolak sebarang manfaat yang telah dibayar atau yang layak dibayar di bawah Penyakit Kritikal Awal atau Angioplasti sebelum sijil tamat tempoh. Manfaat bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari adalah sebanyak 10% daripada jumlah perlindungan rider, tertakluk kepada had maksimum RM25,000.
- Jika Orang yang Dilindungi disahkan menghidap Penyakit Kritikal Tahap Lewat yang menyebabkan rider ini ditamatkan, baki had Manfaat Rawatan Komplementari yang belum digunakan akan dibayar secara sekaligus.
- Sila rujuk Lampiran: Penyakit Kritikal atau Dokumen Sijil untuk pecahan Penyakit Kritikal Awal (Tahap Awal dan Tahap Pertengahan) sehingga Penyakit Kritikal Tahap Lewat.
- Perlindungan bagi Keadaan Kesihatan Mental adalah sehingga umur 80 tahun pada hari jadi akan datang bagi Orang yang Dilindungi, kecuali bagi Sindrom Tourette dan Gangguan Spektrum Autisme Teruk yang dilindungi sehingga umur 18 tahun pada hari jadi akan datang.
- Penerangan perlindungan/manfaat di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut

### Rider takaful perubatan dan kesihatan anda menegecualikan:

Penyakit yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh

- Gejala penyakit berlaku sebelum atau dalam tempoh 30 hari selepas rider bermula atau tarikh penguatkuasaan semula sijil, kecuali untuk Kanser, Serangan Jantung dan Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, di mana tempoh menunggu selama 60 hari dipapakai.
- Kewujudan AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan HIV, kecuali "Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah", "Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan" dan "AIDS dengan Gejala Penuh".
- Keadaan Sedia Ada.

**Selain daripada syarat-syarat di atas, Crisis TotalCare tidak akan dibayar jika:**

- Penyakit yang merupakan keadaan kongenital atau disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada keadaan kongenital yang berlakum atau Dimana Orang yang Dilindungi mula mengalami symptom, dalam tempoh dua tahun pertama dari Tarikh lahir Orang yang Dilindungi;
- simptom penyakit bagi semua Penyakit Kritikal Awal yang dilindungi, dan jika berkenaan, semua Keadaan Berkaitan Diabetik yang dilindungi, Keadaan Berkaitan Sendi dan Keadaan Kesihatan Mental di bawah Manfaat Keadaan Istimewa sebelum atau dalam tempoh 60 hari selepas tarikh permulaan rider atau tarikh penguatkuasaan semula rider;
- penyakit akibat bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri semasa waras atau tidak waras;
- sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan perang atau sebarang tindakan perang atau penaklukan atau tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, rusuhan atau campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa atau tugas aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata;
- penyertaan langsung dalam rusuhan atau mogok atau kekacauan awam atau pemberontakan.

*Nota: Senarai pengecualian di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk senarai penuh pengecualian.*

**Jika anda memerlukan bantuan atau mempunyai sebarang soalan mengenai rider takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:**



Hubungi PruBSN di  
03-2775 7188



Emel PruBSN di:  
[customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)



Lawati\* PruBSN di:  
<https://www.prubsn.com.my/ms/riders/crisis-totalcare/>

*\*Yakinlah bahawa tiada data peribadi anda yang akan dikumpul apabila anda mengklik pada pautan.*

### 3 Ketahui Kewajipan anda?

**Untuk rider penolakan unit takaful perubatan dan kesihatan anda, kos rider telah termasuk di dalam sumbangan pelan asas anda.**

Sumbangan Perlindungan	Penolakan <i>Tabarru'</i> bagi rider akan ditolak setiap bulan daripada PUA pelan asas bagi membayar perlindungan rider. Sila rujuk kepada PDS PruBSN Asas360
<b>Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</b>	
Jumlah Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan, yang termasuk:	Sila rujuk kepada PDS PruBSN Asas360.
<ul style="list-style-type: none"><li>Komisen, dan</li><li>Perbelanjaan Pengurusan</li></ul>	
<ul style="list-style-type: none"><li>Caj-caj terpakai lain</li></ul>	

### 4 Terma-terma Utama Lain

- Kepentingan Pendedahan** : anda mestilah mendedahkan semua fakta yang relevan seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur Orang yang Dilindungi dengan betul. Kewajipan pendedahan anda adalah berterusan sehingga sijil takaful dikeluarkan. Jika tidak, tuntutan anda mungkin ditolak atau sijil takaful ditamatkan.
- Penolakan *Tabarru'* Tidak Dijamin** : Kami boleh menyemak semula kadar potongan *Tabarru'* pada ulang tahun sijil dengan memberikan notis bertulis 30 hari bagi Manfaat Penyakit Kritikal sebelum sumbangan dan/atau kadar *Tabarru'* yang disemak berkuat kuasa pada ulang tahun sijil yang berikutnya
- Tempoh Menunggu** : Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu berikut dari tarikh permulaan sijil, tarikh penguatkuasaan semula sijil atau tarikh pengendorsan, yang mana kemudian.

Manfaat	Syarat-syarat	Tempoh Menunggu
Penyakit Kritikal	Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari serta Kanser	60 hari
	Penyakit Kritikal Awal, Keadaan Berkaitan Diabetik, Keadaan Berkaitan Sendi dan Keadaan Penyakit Mental di bawah Manfaat Keadaan Istimewa	60 hari
	Semua penyakit lain yang dilindungi	30 hari
Manfaat Lain	Manfaat Penjagaan Keluarga	6 months

Sekiranya anda menukar pelan semasa anda kepada pelan lain atau daripada satu penyedia kepada penyedia lain, anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu baharu bagi pelan yang baharu.

- Had Faedah Lain** - Jumlah pembayaran faedah untuk Penyakit Kritikal Awal (terdiri daripada Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan) dihadkan kepada RM200,000 seumur hidup. Jumlah Pembayaran Manfaat Syarat Khas adalah terhad kepada RM100,000 seumur hidup.

*Nota: Terma-terma utama di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk senarai penuh terma-terma.*

### ? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.

- Tempoh Rujukan Percuma**: Anda boleh membatalkan sijil anda (iaitu pelan asas dan rider yang dilampirkan) dalam tempoh 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sila rujuk PDS PruBSN Asas360 mengenai Tempoh Rujukan Percuma.
- Notis Bertulis**: Anda boleh membatalkan rider ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pembatalan rider akan berkuat kuasa pada ulang tahun bulanan sijil yang berikutnya selepas permohonan anda diluluskan secara bertulis oleh kami.